



Kementerian Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat

SIARAN MEDIA

“Sukarelawan Home Help Pendukung Khidmat Sosial”

KOTA KINABALU, 24 OKTOBER – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensinya Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mengadakan Majlis Penutupan Seminar *Home Help* Peringkat Negeri Sabah dan Labuan bertempat di Hotel Grand Borneo, Kota Kinabalu.

“Program *Home Help* dilaksanakan secara NBOS dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menerusi inisiatif 1Malaysia *Family Care* pada tahun 2012, program ini telah melalui beberapa fasa penting dalam menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada kumpulan sasar yang memerlukan iaitu warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU). Idea dan inovasi baru dalam pelaksanaan program ini sangat diperlukan supaya ia dapat mempertingkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang disediakan oleh Petugas *Home Help* kepada klien.” kata YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun ketika merasmikan majlis tersebut.

Sehingga 30 September 2015, JKM telah berjaya menarik penglibatan aktif sejumlah 1,961 orang sukarelawan untuk menyediakan perkhidmatan sokongan sosial kepada 6,583 orang klien. Daripada jumlah tersebut, seramai 5,337 orang adalah warga emas dan 1,246 OKU. Di Sabah, seramai 111 orang sukarelawan telah terlibat dengan program ini untuk menyediakan perkhidmatan kepada 326 orang warga emas dan 69 OKU.

Dalam usaha untuk memastikan lebih ramai klien mendapat manfaat daripada program ini, JKM telah menjalin kerjasama strategik dengan

Pusat Sukarelawan Sabah untuk membantu JKM dalam melaksanakan Program *Home Help*. Manakala di Wilayah Persekutuan Labuan, seramai 7 orang sukarelawan telah terlibat untuk menyediakan perkhidmatan kepada 8 orang warga emas dan 6 orang OKU.

Beliau turut menyatakan Program *Home Help* yang dibentuk melalui pendekatan pendampingan sosial (*social outreach*) bukanlah sekadar program yang memberikan perkhidmatan sokongan sosial kepada klien, tetapi juga merupakan perkhidmatan pemulihan, penjagaan dan pengintegrasian klien yang dilakukan oleh sukarelawan dalam komuniti. Sehubungan itu, Datuk Azizah Mohd Dun menyeru kepada ahli komuniti dan masyarakat diluar untuk sama-sama turut serta merealisasikan impian ini.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah pegawai kanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Persekutuan dan negeri serta 200 peserta seminar.

#####

Disediakan oleh	:	Pejabat Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat No.55 Persiaran Perdana, Presint 4, Putrajaya
Telefon	:	03 – 8323 1069
Tarikh	:	24 Oktober 2015